Perkembangan keusahawanan sosial dipengaruhi oleh gerakan semasa dan keperluan abad ke-21 (Mair, 2008). Gerakan keusahawanan sosial negara Eropah bermula di Itali pada lewat 1980-an dan berkembang sekitar pertengahan tahun 1990-an (Defourny dan Nyssens, 2008) setelah melihat kejayaan negara Bangladesh dalam meningkatkan sosio-ekonomi golongan terpinggir melalui perusahaan sosial. Fenomena ini telah berkembang ke Amerika Latin, Jepun dan Korea Selatan. Menurut laporan General Entrepreneurship Monitor (2009) mendapati perkembangan aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia masih rendah (0.22%). Selain laporan tersebut, pertumbuhan keusahawanan sosial didapati masih di peringkat embrionik (PPPSM, 2015-2018). Ditambah pula dengan penawaran kursus keusahawanan sosial hanya di sesetengah IPT sahaja melalui kelab dan persatuan. Seterusnya, kajian Suhaimi, Yusof dan Abdullah (2013) mendapati kebanyakan warga Malaysia tidak sedar mengenai kemunculan keusahawanan sosial dan bagaimana memperoleh manfaat daripada aktiviti tersebut.

Penyelidikan dari perspektif psikologi membuktikan bahawa keusahawanan sosial berupaya mengubah pendirian usahawan yang bermotivasiikan keuntungan semata-mata kepada semangat kesukarelawan (Ernst, 2011). Sifat kerelaan ini menjadi salah satu sumber keperluan keusahawanan sosial selain manusia, wang dan premis bagi memenuhi kehendak komuniti yang tidak dapat ditangani oleh sistem kebijakan negara (Thompson, Alvy dan Lees, 2000). Buktinya, peranan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merancang program-program sukarelawan bagi mensejahterakan kehidupan olongan terpinggir. Namun, petunjuk skor penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan telah menurun pada tahun 2011 sebanyak 65.4% berbanding tahun 2008 sebanyak 67.4% (Indeks Belia Malaysia, 2011).

Kadar penurunan ini tidak seiring dengan keinginan keusahawanan perniagaan oleh belia di Malaysia. Perangkaan menunjukkan bahawa minat graduan IPTA (3.8% kepada 45.9%) dan IPTS (5.1% kepada 28.7%) menjalankan perusahaan sendiri semakin meningkat daripada tahun 2009 hingga tahun 2011 (Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi, bagi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPT). Begitu juga, dengan statistik oleh Indeks Belia Malaysia (2011) menunjukkan minat belia Malaysia untuk menjadi usahawan telah meningkat daripada nilai skor 51.6 (tahun 2006) kepada jumlah skor 68.6 (tahun 2011). Sementara itu, GUESS International Report 2013-2014 membuktikan bahawa nilai kekuatan keinginan keusahawanan perniagaan pelajar di Malaysia iaitu 5.0 melepas purata nilai (3.7) lebih tinggi berbanding Singapura (3.9) dan negara-negara maju yang lain. Justeru itu, gerakan sukarelawan dan keinginan keusahawanan perniagaan telah memberi petunjuk bahawa pendekatan keusahawanan sosial adalah sesuai dilaksanakan. Justeru, dapatan yang tidak konsisten diperolehi bagi tahap keinginan keusahawanan perniagaan pelajar yang tinggi, sederhana dan rendah (Orazallli dan Rivenburg, 2016; Wan Nur, Ab. Rahim, Soaib, Shamsiah dan Noor Syamilah, 2016; General Entrepreneurship Monitor, 2013).

Minat dan motivasi terhadap keusahawanan dan memiliki perusahaan sendiri yang tinggi, tidak dapat mengawal sikap seseorang memilih pekerjaan kerana masih ramai graduan lagi yang sanggup bersaing dalam peperiksaan awam semata-mata inginkan jaminan pekerjaan (Linan, Battistelli dan Moriano, 2008). Dapatkan ini menjadi petunjuk kerana minat menjadi pendorong atau motivasi tinggi untuk seseorang menubuhkan perusahaan sosial (Suhaimi, Yusof dan Abdullah, 2013; Ernst, 2011). Selain itu, keinginan menjadi usahawan sosial juga didorong oleh kepentingan peribadi dan pengalaman yang dimiliki (Mair dan Noboa, 2006; Robinson, 2006). Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji kelangsungan keinginan keusahawanan sosial antara pelajar sebelum dan selepas tamat pengajian ke atas hubungan setiap faktor peramal.

#### **1.4.1 Pernyataan Masalah**

Kerajaan telah menggalakkan warga Malaysia untuk menceburi bidang keusahawanan sosial terutama golongan belia. Buktinya, elemen keusahawanan telah diterapkan dalam semua agenda kerajaan di setiap kementerian dan badan bukan-kerajaan. Selain itu, kerajaan juga telah menetapkan dasar sebagai mana dalam Pelan Perusahaan Sosial Malaysia (2015-2018) bagi memacu ekonomi dan mensejahtera kehidupan masyarakat secara mampan. Geran perniagaan sosial juga ditawarkan oleh MaGIC kepada usahawan muda di peringkat permulaan menghasilkan inovasi sosial. Walaupun pengajian keusahawanan perniagaan sedia ada yang ditawarkan di universiti memainkan peranan dalam menghapuskan 40 peratus kemiskinan tegar berdasarkan sasaran Model Baru Ekonomi (MBE). Fenomena ini memberi kesan kepada pewujudan pengajian keusahawanan sosial. Begitu juga, pendidikan keusahawanan sosial telah ditawarkan secara formal dan tidak formal dengan matlamat untuk mendedahkan pelajar kepada bidang keusahawanan sosial yang luas merentas disiplin pengajian.

Hakikatnya, kejayaan aktiviti keusahawanan sosial mempunyai kaitan dengan semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar (Ernst, 2012:2011). Namun, situasi di Malaysia menunjukkan tahap keterlibatan keusahawanan sosial dan penyertaan sukarelawan adalah rendah (Indeks Belia Malaysia, 2011; General Entrepreneurship Monitor, 2009). Selain itu, penawaran kerjaya keusahawanan sedia ada yang perlu diperluaskan, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan masyarakat tetapi keperluan golongan kurang berasib baik. Ini disebabkan kumpulan graduan masih merupakan golongan yang paling tinggi menganggur berbanding lepasan sekolah. Ini dibuktikan dengan kadar pengangguran graduan sebanyak 3.6% pada tahun 2014 meningkat kepada 3.8% pada tahun 2015 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Kerelevanannya ini dilanjutkan kepada cabaran dalam mengembangkan potensi keusahawanan sosial di Malaysia melalui PPSM (2015-2018) iaitu 1) kurang kesedaran pihak institusi dalam menerapkan elemen keusahawanan sosial; 2) kurang pengiktirafan undang-undang dan struktur dasar sedia ada; 3) wujud persepsi awam yang negatif dalam pengiktirafan keusahawanan sosial; 4)

kurang akses kepada modal insan berkualiti; 5) kurang akses kepada modal kewangan yang besar; 6) kurang sokongan untuk berkembang dengan bilangan skala perusahaan sosial yang kecil. Maka, satu mekanisme perlu diwujudkan bagi meningkatkan bilangan perusahaan sosial yang kesannya dapat memacu pembangunan ekonomi dengan penawaran peluang pekerjaan (Bacq, Hartog, Hoogendoorn dan Jan Lepoutre, 2011). Hal ini memberi gambaran bahawa fenomena keusahawanan sosial di Malaysia jarang berlaku (Bosma, Acs, Autio, Coduras dan Levie, 2009). Mengambil kira isu dan cabaran yang dibincangkan sebelum ini, maka kajian lebih menumpukan kepada cabaran menginsanakan potensi individu sebagai langkah awal sebelum menilai keberkesanan PPPSM (2015-2018).

Hal ini meninggalkan jurang mengenai sejauh mana pelajar dapat mengubah penetapan matlamat daripada memaksimumkan keuntungan semata-mata kepada orientasi sosial dalam memulakan perniagaan? Perubahan ini merujuk kepada tekad dan memerlukan pengkaji untuk memahami faktor yang mendorong TKS. Apabila tekad semakin lebih kuat, maka individu lebih cenderung untuk melakukan tingkah laku. Kekuatan tekad ini dipengaruhi oleh faktor-faktor yang terdapat dalam Teori Tingkah laku Terancang, Ajzen (1991). Faktor ini merujuk kepada elemen latar belakang iaitu sikap, norma subjektif dan tingkah laku kawalan tertanggap yang mempengaruhi tekad individu. Namun, wujud kekurangan dalam tiga faktor latar belakang yang mempengaruhi TKS. Di mana wujud kemungkinan faktor luaran yang dicadangkan Ajzen (1991) meramal TKS. Justeru, pengkaji ingin menguji faktor luaran merangkumi elemen peribadi, pengalaman dan situasi yang memberi nilai tambah kepada kebolehgunaan dan kecukupan teori Ajzen (1991). Keinginan keusahawanan sosial dapat ditentukan melalui tekad, kerana tekad meramal tingkah laku. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan kesan langsung faktor luaran sahaja merangkumi aspek peribadi (personaliti usahawan), pengalaman (modal insan) dan situasi (modal sosial) sebagai peramal tambahan. Ajzen (1991) menegaskan bahawa, teori ini terbuka kepada peramal tambahan sekiranya sebahagian besar varian didapati dalam tekad setelah mengambil kira ketiga-tiga elemen asas. Justeru, kajian ini ingin meninjau kesan penyederhana secara perbezaan individu, maka boleh ubah ini melibatkan status anggota ENACTUS (pelajar IPT dan graduan) sama ada meningkatkan atau melemahkan kekuatan hubungan faktor dengan TKS. Aktiviti perniagaan dalam konteks kajian ini merujuk kepada projek pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh angota ENACTUS. Seterusnya, teknik Pemodelan Persamaan Berstruktur digunakan berdasarkan Teori Tingkah laku Terancang, Ajzen (1991) bagi menentusahkan model struktural dan kesan penyederhana yang belum dikaji oleh pengkaji lepas. Ini disebabkan kajian lepas hanya menumpukan konstruk peranan harapan (Prieto, 2010) secara analisis multivariat.

Kebanyakan kajian lepas mendapati tekad pelajar melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial adalah pada tahap sederhana (Moorthy dan Annamalah, 2014; Noorseha, Yap, Dewi dan Md Zabid, 2013; Baierl, Grichnik, Sporrle dan Welpe, 2012; Ernst, 2011; Prieto, 2011; Tan dan Yoo, 2011; Nga dan Shamuganathan, 2010; Youssry, 2007; Mair dan Noboa, 2005: 2003). Dapatkan ini didorong oleh ketiadaan persekitaran sokongan (Suhaimi, Yusof dan Abdullah, 2013) dan kekurangan pendidikan (Scholtz, 2010) merupakan faktor

penghalang usaha meramaikan bilangan usahawan sosial di Malaysia. Justeru, peranan pendidikan dikaitkan dengan status anggota ENACTUS merangkumi pelajar IPT dan Alumni yang bertindak sebagai penyederhana hubungan personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS. Justeru kajian ini wajar mamandangkan bidang keusahawanan sosial menjadi satu keperluan dalam bidang PLTV di Malaysia.

## 1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan status anggota ENACTUS sebagai penyederhana antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS di IPT.

### 1.5.1 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap TKS, personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS.
2. Menentukan perbezaan tahap TKS bagi status anggota ENACTUS yang berlainan kategori universiti.
3. Mengenal pasti hubungan antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS.
4. Mengenal pasti kesan langsung antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS.
5. Mengenal pasti status anggota ENACTUS sebagai penyederhana antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS.
6. Menghasilkan model yang sepadan dengan data kajian secara menyeluruh terhadap status anggota ENACTUS sebagai penyederhana antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS di IPT.

### **1.5.2 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian berikut bagi mencapai objektif pertama:

1. Apakah tahap TKS pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?
2. Apakah tahap personaliti usahawan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?
3. Apakah tahap modal insan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?
4. Apakah tahap modal sosial pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?

Persoalan kajian berikut bagi menjawab objektif kajian kedua:

5. Adakah terdapat perbezaan skor TKS dari universiti penyelidikan, universiti berfokus, universiti komprehensif dan universiti swasta dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?

Manakala persoalan kajian di bawah adalah untuk mencapai objektif ketiga:

6. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor personaliti usahawan dengan TKS dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?
7. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor modal insan dengan TKS dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?
8. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor modal sosial dengan TKS dalam kalangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS?

### **1.5.3 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ) digunakan kerana pengkaji ingin menguji pemboleh ubah keusahawanan sosial sepadan dengan Teori Tingkah laku Terancang Ajzen (1991) dan disokong oleh dapatkan literatur. Hipotesis alternatif berikut adalah menjawab objektif kajian keenam hingga kelapan iaitu:

- $H_1$  Terdapat kesan langsung antara faktor personaliti usahawan dengan TKS dalam kalangan anggota ENACTUS di IPT.

- H<sub>2</sub> Terdapat kesan langsung antara faktor modal insan dengan TKS dalam kalangan anggota ENACTUS di IPT.
- H<sub>3</sub> Terdapat kesan langsung antara faktor modal sosial dengan TKS dalam kalangan anggota ENACTUS di IPT.
- H<sub>4</sub> Status anggota ENACTUS menyederhana hubungan antara personaliti usahawan dengan TKS.
- H<sub>5</sub> Status anggota ENACTUS menyederhana hubungan antara modal insan dengan TKS.
- H<sub>6</sub> Status anggota ENACTUS menyederhana hubungan antara modal sosial dengan TKS.
- H<sub>7</sub> Terdapat model fit yang signifikan bagi model kajian kesan status anggota ENACTUS sebagai penyederhana antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS di IPT.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan ke arah penambahan ilmu keusahawanan dan kurikulum dalam sektor PLTV. Dengan memahami bagaimana TKS dapat dibentuk, pihak KPTM dan NGO boleh mengambil inisiatif baru ke arah memupuk dan membudayakan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar IPT. Seterusnya dapat menjayakan lagi Program Transformasi Kerajaan melalui kepelbagaian peluang pekerjaan dan meringankan beban kerajaan dalam membiayai kos kebajikan sosial yang semakin meningkat. Pendidikan keusahawanan sosial secara formal dapat dirancang oleh para pendidik dan menambah baik kaedah pengajaran sedia ada serta menjadikannya sebagai kursus wajib bagi pelajar prasiswazah setiap IPT.

Kajian ini menjadi penghujung bagi membezakan penyelidikan keusahawanan sedia ada dengan keusahawanan sosial. Seterusnya, menyumbang kepada literatur keusahawanan sosial peringkat tempatan dan global. Literatur keusahawanan sosial menjadi keperluan bagi kajian empirikal berdasarkan penerokaan teori berasaskan penyelidikan dalam konteks penciptaan nilai sosial (Anderson dan Dees, 2006).

Selain itu, untuk merangka satu kurikulum yang berkesan, pembuat dasar (polisi) perlu tahu faktor-faktor terpilih untuk diberi penekanan (Autio, Keeley, Klofsten dan Ulfstedt, 1997) dalam memupuk semangat keusahawanan sosial. Oleh yang demikian, kajian pembentukan model TKS dapat memberi panduan dan kefahaman lebih mendalam kepada pelajar, pendidik dan pihak pentadbir dalam menentukan visi dan wawasan program keusahawanan dalam PLTV.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini hanya bertumpu kepada pelajar IPT dan Alumni yang bergiat dengan kelab ENACTUS Malaysia. Oleh itu, sampel kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar IPT atau Alumni yang lain. Manakala data yang diperolehi dari borang soal selidik adalah berdasarkan penilaian kendiri responden kajian. Penilaian ini bergantung kepada kejujuran, keikhlasan, pengalaman dan kematangan mereka semasa menjawab.

Selain itu, dapatan kajian ini hanya menumpukan kepada pengalaman daripada aktiviti pelajar ENACTUS menjalankan projek pembangunan komuniti pelajar semasa. Pemboleh ubah kajian ini terhad kepada TKS dan faktor luaran sebagai faktor peramal sebagaimana yang dicadangkan oleh Teori Tingkah laku Terancang, Ajzen (1991). Cadangan model TKS dalam kajian ini hanya mengambil kira pandangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan pelajar IPT dan Alumni di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan mengambil kira populasi anggota ENACTUS yang kurang daripada keseluruhan bilangan pelajar IPT di Malaysia. Maka, pengkaji memilih responden berdasarkan kategori universiti iaitu universiti penyelidikan, komprehensif, berfokus dan swasta untuk memastikan keseimbangan bilangan sampel. Pendekatan yang sama dilakukan kepada Alumni ENACTUS.

Seterusnya, definisi setiap pemboleh ubah terhad kepada rujukan istilah dan dioperasikan dalam konteks kajian. Contohnya, pengkaji merujuk definisi istilah bagi keusahawanan sosial daripada penyelidik sebelum ini, kemudian mendefinisikan istilah tersebut mengikut kesesuaian konteks kajian.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan bagi mengenal pasti TKS, personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dari pandangan pelajar IPT dan Alumni ENACTUS sebagai tanda aras sejauh mana kemampuan kepada TKS.

## **1.9 Definisi Istilah**

Bagi memudahkan perbincangan, beberapa konstruk perlu didefinisikan secara operasional dalam kajian ini.

### **1.9.1 Keusahawanan Sosial**

Wujud pelbagai takrifan mengenai keusahawanan sosial oleh pengkaji lepas. Namun, tiada satu definisi keusahawanan sosial yang dianggap tepat dalam penyelidikan keusahawanan sosial. Zahra, Gedajlovic, Neubaum dan Shulman, (2009) mendefinisikan keusahawanan sosial sebagai suatu proses yang melibatkan aktiviti penemuan, mengenal pasti dan memanfaatkan peluang bagi meningkatkankekayaan sosial dengan mewujudkan perusahaan baru atau mengurus organisasi sedia ada secara inovatif. Oleh itu, definisi keusahawanan sosial dalam konteks kajian ini merujuk kepada suatu proses yang melibatkan aktiviti mengenal pasti dan memanfaatkan peluang sedia ada oleh pelajar melalui pendekatan inovatif untuk menangani masalah sosial tertentu secara mampu.

### **1.9.2 Usahawan Sosial**

Usahawan sosial didefinisikan sebagai agen perubahan dalam sektor sosial dengan a) menggunakan pakai matlamat untuk mencipta dan mengekalkan nilai sosial; b) sedar dan gigih mengejar peluang-peluang baru; c) melibatkan diri dalam proses inovasi yang berterusan, penyesuaian, dan pembelajaran; d) bertindak berani menggunakan sumber sedia ada yang terhad; dan e) memiliki sikap kebertanggung jawaban yang tinggi terhadap hasil ciptaan kepada masyarakat sekeliling (Dees, 1998). Berdasarkan definisi tersebut, usahawan sosial dalam konteks kajian ini merujuk kepada individu yang berperanan sebagai agen perubahan dengan a) menggunakan pakai matlamat untuk menghasilkan kreativiti nilai sosial; b) proaktif terhadap peluang baru; c) inovatif; d) sanggup mengambil risiko ke atas sumber yang terhad; dan e) memiliki sifat kebertanggung jawaban yang tinggi terhadap inovasi yang dihasilkan dalam menangani masalah golongan terpinggir.

### **1.9.3 Perusahaan Sosial**

Perusahaan sosial lazimnya beroperasi secara kecil-kecilan dan sederhana. Haugh dan Tracey (2004) mendefinisikan perusahaan sosial sebagai sebuah perniagaan yang menjalankan aktiviti inovasi, keusahawanan bermatlamat sosial, dan berupaya menjana kewangan yang mampu untuk kepentingan golongan terpinggir atau masyarakat dan bukan pihak berkepentingan dalam perusahaan. Justeru dalam konteks kajian ini, perusahaan sosial merujuk kepada projek pembangunan komuniti pelajar (perniagaan bukan-keuntungan) yang berskala sederhana atau kecil, menjalankan aktiviti keusahawanan berorientasi sosial untuk menghasilkan inovasi kepada golongan terpinggir, di mana keuntungan projek akan digunakan bagi memastikan kemampuan operasi projek ini.

#### **1.9.4 Tekad Keusahawanan Sosial**

Tekad keusahawanan sosial didefinisikan sebagai keteguhan pendirian seseorang untuk menjadi usahawan sosial dan secara sedar merancang untuk berbuat demikian pada suatu hari di masa akan datang (Thompson, 2009). Dalam konteks kajian ini, TKS didefinisikan sebagai keinginan seseorang pelajar yang kuat untuk menjadi usahawan sosial dan merancang untuk berbuat demikian setelah bergraduat.

#### **1.9.5 Personaliti Usahawan**

Personaliti usahawan merujuk kepada gabungan antara ciri-ciri umum yang stabil bagi seorang usahawan sosial untuk bertindak dan menghasilkan sesuatu yang luar biasa kepada masyarakat (Ernst, 2012). Definisi personaliti usahawan digunakan dalam kajian ini ialah kecenderungan pelajar memiliki gabungan ciri-ciri keusahawanan perniagaan dan prososial untuk menjadi seorang usahawan sosial. Orientasi keusahawanan yang dikaji merangkumi elemen proaktif, kecenderungan mengambil risiko dan inovatif. Manakala orientasi prososial diukur dari aspek empati dan tanggung jawab sosial.

#### **1.9.6 Modal Insan**

Kajian lepas mengenai modal insan semakin menarik minat ramai penyelidik apabila banyak kajian menggunakan konsep keusahawanan (Ernst, 2011; Rauch, Frese dan Utsch, 2005; Davidsson dan Honig, 2003; Chandler dan Hanks, 1998). Modal insan didefinisikan sebagai gambaran kualiti diri individu merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan kelayakan, yang diperolehi melalui pendidikan, latihan dan pengalaman (Becker, 1993). Selain pengetahuan dan kemahiran, efikasi-kendiri juga mempunyai kaitan dengan modal insan (Becker, 1964). Maka, modal insan dalam konteks kajian ini merujuk kepada gambaran potensi pelajar untuk menguasai pengetahuan, kemahiran dan keupayaan efikasi-kendiri yang diperlukan untuk menguruskan projek pembangunan komuniti.

#### **1.9.7 Modal Sosial**

Modal sosial didefinisikan sebagai sejumlah sumber nyata dan berpotensi yang diperoleh daripada hubungan jaringan yang dimiliki oleh individu atau unit sosial (Nahapiet dan Ghoshal, 1998). Dalam hal ini, modal sosial difahami sebagai

sejumlah sumber yang dimiliki hasil daripada jaringan perniagaan pelajar dan diperlukan bagi menjalankan projek pembangunan komuniti.

#### **1.9.8 Status anggota ENACTUS**

Anggota ENACTUS dalam kajian ini merujuk kepada pelajar IPT yang mendaftar sebagai anggota kelab di bawah Yayasan ENACTUS Malaysia. Manakala status anggota ini dibahagikan kepada pelajar IPT yang masih aktif dan bekas pelajar sebagai Alumni.

#### **1.10 Rumusan Bab**

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan mengenai kemunculan fenomena dan perkembangan keusahawanan sosial di Malaysia. Selain itu, peranan keusahawanan sosial dibincangkan bagi mengukuh sistem PLTV sedia ada. Kemudian diteruskan dengan memperincikan pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop dan batasan kajian. Akhir sekali, setiap istilah penting dan boleh ubah terlibat dalam kajian ini telah dijelaskan dalam bentuk definisi operasional. Bab seterusnya akan membincangkan tinjauan literatur berdasarkan kesan status anggota ENACTUS sebagai penyederhana antara personaliti usahawan, modal insan dan modal sosial dengan TKS di IPT.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Nordin. (1986). *Asas penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur, MY: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Adesuwa Omorede. (2012). *Where does the spirit come from and what keeps them going? A qualitative approach to understanding passion for social entrepreneurship*. Nordic Conference on Small Business Research, Helsinki, Finland.
- Adler, P.S., & Kwon, S.W. (2002). Social capital: Prospects for a new concept. *Academy of Management Review*, 27(1), 17-40.
- Ajzen, I. (1988). *Attitudes, personality, and behavior*. Milton Keynes, MK: Open University Press.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Ajzen, I. (2001). Nature and operation of attitudes. *Annual Review of Psychology*, 52, 27-58.
- Ajzen, I. (2002). Frequently Asked Questions. Diambil daripada <http://people.umass.edu/ajzen/faq.html>.
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality and behavior*. Edisi ke-2. McGraw-Hill International.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.
- Akaba, A. (2006). Measuring service quality in the hotel industry: A study in a business hotel in Turkey. *Hospitality Management*, 25, 178-192.
- Akram, H.M., Sattar, A., Ali, A., & Nadeem, M.A. (2010). Agro-physiological performance of wheat genotypes under moisture stress conditions. *J. Agric. Res.*, 48, 361-369.
- Albert, P., Fournier, R., & Marion, S. (1991). Developing entrepreneurial attitudes and management competence among scientists: The Group ESC Lyon's experience. *Entrepreneurship & Regional Development*, 3(4), 349-362.
- Aldrich, H., & Zimmer, C. (1990). Entrepreneurship through social networks. *California Management Review*, 33, 3-23.
- Alford, S.H., Brown, L.D., & Letts, C.W. (2004). Social entrepreneurship: Leadership that facilitates societal transformation. Dalam John F. Kennedy. *School of Government*. Kertas kerja. Center for Public Leadership.

- Allport, D.A. (1971). Parallel encoding within and between elementary stimulus dimensions. *Perception & Psychophysics*, 10, 104-108.
- Allport, G.W. (1961). *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Alias Baba. (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. UKM, MY: Penerbit UKM.
- Alias Baba. (1998). *Model linear dalam penyelidikan pendidikan sains sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alter, K. (2006). Social enterprise models and their mission and money relationships. Dalam A. Nicholls (Editor), *Social entrepreneurship: New models of sustainable social change*. New York: Oxford University Press.
- Alter, K. (2007). Social enterprise typology. Diambil daripada <http://www.virtueventures.com/files/setypology.pdf>.
- Alvord, S.H., Brown, L.D., & Letts, C.W. (2004). Social entrepreneurship and societal transformation. *Journal of Applied Behavioral Science*, 40(3), 260-282.
- Amanah Ikhtiar Malaysia. (2011). *Maklumat korporat*. Diambil daripada <http://www.aim.gov.my/index.php/kenali-kami/2013-03-14-14-2042/maklumat-korporat.html>.
- Amanat Tahun Baharu. (2012). *Teks penuh ‘Berfikiran global bertindak global’*. Disampaikan oleh Y.B. Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Dewan A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.
- Anderson, A.R., & Jack, S.L. (2002). The articulation of social capital in entrepreneurial networks: A glue or a lubricant? *Entrepreneurship & Regional Development*, 14(3), 193-210.
- Anderson, A.R., & Miller, C.J. (2003). ‘Class matters’: Human and social capital in the entrepreneurial process. *Journal of Socio-Economics* 32, 17-36.
- Anderson, B.B., & Dees, J.G. (2006). Rhetoric, reality, and research: Building a solid foundation for the practice of social entrepreneurship. Dalam A. Nicholls (Editor), *Social entrepreneurship - New models of sustainable social change*. New York: Oxford University Press.
- Annual Report United Nations Volunteers Programme. (2010). Statistical and financial information for 2010. Communications Section, UNV: New York.
- Arenius, P., & De Clercq, A. (2005). A network based approach on opportunity recognition. *Small Business Economics*, 24, 249-265.

- Armitage, C.J., & Conner, M. (2001). Efficacy of the theory of planned behaviour: A meta-analytic review. *British Journal of Social Psychology*, 40(4), 471-499.
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education*. Belmont USA: Wadsworth/ Thomsom Learning.
- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A., & Sorensen, C. (2005). *Introduction to Research in Education*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Ashmore, M.C., & Sandra, G.P. (1983). Program for acquired competency in entrepreneurship (PACE). Rev. ed. Columbus: The Ohio States University, National Center for Research and Vocational Education.
- Ashoka. (2009). *What is a social entrepreneur?* Diambil daripada [http://www.ashoka.org/social\\_entrepreneur](http://www.ashoka.org/social_entrepreneur).
- Astin, A. W. (1984). Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Personnel*, 25(4), 297–308.
- Astin, A. W. (1993). What matters in college? *Liberal Education*, 79(4), 4-15.
- Astin, A.W. (1997). Student involvement: A developmental theory for higher education. Dalam Arnold, K and King, I.C. (Editor). *College student development and academic life: Psychological, intellectual, social, and moral issues* (251-308). New York: Garland Publishing (Reprint from *Journal of College Student Personnel*, 25, 297-308).
- Astin, A.W. (1999). Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development*, 40(6), 518-529.
- Audet, J. (2002). *A longitudinal study of the entrepreneurial intentions of university students*. Paper presented at the annual meeting of the Babson Kaufmann Entrepreneurship Research Conference, Boulder, CO.
- Audet, J. (2004). A longitudinal study of the entrepreneurial intentions of university students. *Academy of Entrepreneurship Journal*, 10(1), 3-16.
- Audretsch, D.B., & Keilbach, M. (2004). Entrepreneurship capital and economic performance. *Regional Studies*, 38, 949-959.
- Auerswald, P. (2009). Creating social value. *Stanford Social Innovation Review*, Spring, 50-55.
- Austin, J. (2006). Three avenues for social entrepreneurship research. Dalam J. Mair, J. A. Robinson & K. Hockerts (Editor). *Social entrepreneurship* (hlm. 22-33). New York: Palgrave Macmillan.
- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: ame, different, or both? *Entrepreneurship: Theory & Practice*, 30(1), 1-22.

- Autio, E., Keeley, R.H., Klofsten, M., & Ulfstedt, T. (1997). *Entrepreneurial Intent among Students: Testing an Intent Model in Asia, Scandinavia and USA*. Frontiers of Entrepreneurship Research, Babson Conference Proceedings. Diambil daripada <http://www.babson.edu/entrep/fer>.
- Autio, E., Keeley, R. H., Klofsten, M., Parker, G.G.C., & Hay, M. (2001). Entrepreneurial intent among students in Scandinavia and in the USA. *Enterprise & Innovation Management Studies*, 2(2), 145-160.
- Ayob, N., Yap, C.S., Sapuan, D.A., & Abdul Rashid, M.Z. (2013). Social entrepreneurial intention among business undergraduates: An emerging economy perspective. *Gadjah Mada International Journal of Business*, 15(3), 249-267.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Babbie, E. (1986). *The practice of social research*. Edisi ke-3. Belmont, CA: Wadsworth.
- Bacq, S., Hartog, C., Hoogendoorn, B. and Lepoutre, J. (2011). Social entrepreneurship: Exploring individual and organizational characteristics. EIM Research Reports. Boleh diperoleh di [www.entrepreneurship-sme.eu/index.cfm/12.html?nxt=ctm\\_publikatie&bestelnummer=H20110](http://www.entrepreneurship-sme.eu/index.cfm/12.html?nxt=ctm_publikatie&bestelnummer=H20110).
- Bacq, S., Janssen, F. (2011). The Multiple Faces of Social Entrepreneurship: A Review of Definitional Issues Based on Geographical and Thematic Criteria. *Entrepreneurship & Regional Development*, 23(5/6), 373- 403.
- Badawi, A.A. (2013). TVET and entrepreneurship skills (Chapter 8). *Dalam Revisiting global trends in TVET: Reflections on theory and practice*. UNESCO-UNEVOC International Centre for Technical and Vocational Education and Training. Boleh diperoleh di [http://www.unevoc.unesco.org/fileadmin/up/2013\\_epub\\_revisiting\\_global\\_trends\\_in\\_tvet\\_book.pdf](http://www.unevoc.unesco.org/fileadmin/up/2013_epub_revisiting_global_trends_in_tvet_book.pdf).
- Baierl, R., Grichnik, D., Sporrle, M., & Welpe, I. (2012). *Formation of social entrepreneurial intentions: The role of an individual's general social appraisal*. Research project: Experimental Entrepreneurship in Entrepreneurial Decision-Making. TIE 2012 – 14th Annual Conference of the Scientific Committee of Technology, Innovation, and Entrepreneurship, Hamburg-Harburg, Germany.
- Bailey, S. (1992). *How schools shortchange girls*. The AAUW Report. New York, NY: Marlowe & Company.
- Baker, W.E. (1990). Market networks and corporate behavior. *American Journal of Sociology*. 96, 589-625.

- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Towards a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of moral thought and action. Dalam W.M., Kutnives & J.L., Gewirtz, (Editor). *Handbook of Moral Behavior and Development*, Vol. 1. (hlm. 45-104). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York, NY: Freeman.
- Bandura, A. (2001). Social cognitive theory: An argentic perspective. *Annual Review of Psychology*, 52(1), 1-36.
- Bandura, A. (2006). Toward a psychology of human agency. *Perspectives on Psychological Science*, 1(2), 164-180.
- Barendsen, L., & Gardner, H. (2004). Is the social entrepreneur a new type of leader? *Leader to Leader*, 34, 43-50.
- Bartlett, J.E., Kotlik, J.W., Higgins, C.C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Baron, R.A., & Markman, G.D. (2000). Beyond social capital: How social skills can enhance entrepreneurs' success. *Academy of Management Executive*, 14(1), 106-116.
- Baron, R.A., & Markman, G.D. (2003). Beyond social capital: The role of entrepreneurs' social competence in their financial success. *Journal of Business Venturing*, 18, 41-60.
- Baron, R.M., & Kenny, D.A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173-1182.
- Barner-Rasmussen, W. (2003). Determinants of the feedback seeking behaviour of subsidiary top managers in multinational corporations. *International Business Review*, 12(1), 41-60.
- Barreira, J., Dhliwayo, S., Luiz, J., Naude, W., & Urban, B. (2008). *Frontiers on social entrepreneurship*. Johannesburg: Heinemann Publishers.
- Bartlett, J., Kotlik, J., & Higgins, C. (2001). Organisational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.

- Basu, A., & Virick, M (2007). Assessing entrepreneurial intentions among students: A comparative study. Peer-reviewed papers. 12th Annual Meeting of the National Collegiate Inventors and Innovators Alliance Dallas, 71-86.
- Basu, S. (2012). Social capital and social entrepreneurship in the third sector: Analysing links. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 4(3), 386-405.
- Bateman, T.S., & Crant, J.M. (1993). The proactive component of organizational behavior: A measure and correlates. *Journal of Organizational Behavior*, 14(2), 103-118.
- Bates, T. (1990). Entrepreneur human capital inputs and small business longevity. *Review of Economics & Statistics*, 72(4), 551-559.
- Bates, T. (1995). Self-employment entry across industry groups. *Journal of Business Venturing*, 10(2), 143-156.
- Baum, J.R., & Locke, E.A. (2004). The relationship of entrepreneurial traits, skill, and motivation to subsequent venture growth. *Journal of Applied Psychology*, 89(4), 587-598.
- Baum, J.R., Locke, E.A., & Smith, K.G. (2001). A multidimensional model of venture growth. *Academy of Management Journal*, 44, 292–303.
- Baumol, William J. (1990). Entrepreneurship: Productive, unproductive, and destructive. *Journal of Political Economy*, 98(5), 893–921.
- Becherer, R.C., & Maurer, J.G. (1999). The proactive personality disposition and entrepreneurial behavior among small company presidents. *Journal of Small Business Management*, 37(1), 28-36.
- Becker, G.S. (1964). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Becker, G.S. (1975). Human capital and the personal distribution of income: An analytical approach. In *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Edisi ke-2. New York, NY: National Bureau of Economic Research.
- Becker, G.S. (1993). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Edisi ke-3. Chicago, IL: University of Chicago Press, Chicago Print.
- Beckmann, M., & Anica Z. (2014). Franchising as a strategy for combining small and large group advantages (logics) in social entrepreneurship: A Hayekian perspective, *Nonprofit & Voluntary Sector Quarterly*, 43(3), 502-522.
- Bentler, P.M. (1990). Comparative fit indexes in structural models. *Psychological Bulletin*, 107(2), 238-46.

- Bentler, P.M., & Bonett, D.G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin*, 88, 588–606.
- Berg, N. (2002). Non-response bias. Diambil daripada <http://www.utdallas.edu/~nberg/Berg.../BergNon-pdf>
- Berita RTM. (2013). *Kerajaan berhasrat jadikan Malaysia hab program kesukarelawan dunia*. Diambil daripada [http://berita.rtm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3393:kerajaan-berhasratjadikan-malaysiahab-program-kesukarelawandunia&catid=34:headlines&Itemid=93](http://berita.rtm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=3393:kerajaan-berhasratjadikan-malaysiahab-program-kesukarelawandunia&catid=34:headlines&Itemid=93).
- Berkowitz, L., & Luttenann, K. (1968). The traditionally socially responsible personality. *Public Opinion Quarterly*, 32, 169-185.
- Bhawe, N.M., Jain, T.K., & Gupta, V.K. (2007). The entrepreneurship of the good Samaritan: A qualitative study to understand how opportunities are perceived in social entrepreneurship. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, 27, 1-23.
- Bierhoff, H.-W. (1996). Prosoziales Verhalten. Dalam W. Stroebe, M. Hewstone & G. M. Stephenson (Editor). *Sozialpsychologie*. (hlm. 395-420). Berlin: Springer.
- Bierhoff, H.-W., & Schülken, T. (1999). *Motives of volunteers-comparison of Voluntary learning, social workers, community service and professional helpers*. [Report-97/1999]. Bochum: Ruhr-University Bochum, Department of Psychology.
- Bird, B. (1988). Implementing entrepreneurial ideas: The case for intention. *Academy of Management Review*, 13(3), 442-453.
- Bird, B. (1992). The operation of intention in time: The emergence of the new venture. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 17, 11-21.
- Bird, B.J. (1989). *Entrepreneurial behavior*. Glenview, IL: Scott, Foresman and Company.
- Boddice, R. (2009). Forgotten antecedents: Entrepreneurship, ideology and history. Dalam R. Ziegler (Editor). *An Introduction to Social Entrepreneurship-Voices, Preconditions, Contexts*. (hlm. 133-152). Cheltenham: Edward Elgar Publishing Ltd.
- Bönte, W., & Jarosch, M. (2010). *Mirror, mirror on the wall, who is the most entrepreneurial of them all?* [Schumpeter Discussion Papers-2010-009]. Wuppertal: University of Wuppertal, Schumpeter School of Business and Economics.
- Booker, R.W. (2001). Differences between applicants and non-applicants relevant to the decision to apply to study abroad (Tesis PhD, University

- of Missouri - Columbia). Boleh diperoleh di ProQuest Dissertations and Thesis database. (UMI No. 3012949).
- Borg, R.W., Borg, J.P., & Gall, M.D. (2005). *Applying educational research: A practical guide*. Edisi ke-5. Boston, NY: Pearson.
- Borman, W.C., Penner, L. A., Allen, T.D., & Motowidlo, S.J. (2001). Personality predictors of citizenship performance. *International Journal of Selection and Assessment*, 9(1-2), 52-69.
- Bornstein, D. (2004). *How to change the world: Social entrepreneurs and the power of new ideas*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Bornstein, D. (2007). *How to change the world: Social entrepreneurs and the power of new ideas*. New York, NY: Oxford University Press.
- Bornstein, D., & Davis, S. (2010). *Social entrepreneurship - What everyone needs to know*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Borzaga, C., & Defourny, J. (2001). *The emergence of social enterprise*. London: Routledge.
- Bosma, N.S., Acs, Z., Autio, E., Coduras, A., & Levie, J. (2009). *Global Entrepreneurship Monitor, 2008 Executive Report*. Babson Park, MA, US: Babson College.
- Bosma, N.S., & Levie, J. (2010). *Global Entrepreneurship Monitor 2009, Executive Report*. Babson Park, MA, US: Babson College.
- Boschee, J. (1995). Social entrepreneurship: Some nonprofits are not only thinking about the unthinkable, they're doing it – running a profit. *Across the Board*, 32(3), 20-25.
- Boschee, J., & McClurg, J. (2003). *Towards a better understanding of social entrepreneurship - Some important distinctions*. Diambil daripada <http://www.caledonia.org.uk/papers/Social-Entrepreneurship.pdf>.
- Bouckaert, L., & Vandenhove, J. (1998). Business ethics and the management of non-profit institutions. *Journal of Business Ethics* (17), 1073-1081.
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. Dalam J. Richardson (Editor). *Handbook of theory and research for the sociology of education* (hlm. 241-258). New York, Greenwood.
- Boyd, M. (1989). Family and personal networks in international migration: Recent developments and new agendas. *International Migration Review*, 23, 638–670.
- Boyd, N.G., & Vozikis, G.S. (1994). The influence of self-efficacy on the development of entrepreneurial intentions and actions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 18, 64-77.

- Braukmann, U., Bijedic, T., & Schneider, D. (2008). Entrepreneurial personality-A theoretical reconstruction and contouring nominal definition. [Schumpeter Discussion Papers -2008-003]. Wuppertal: University of Wuppertal, Schumpeter School of Business and Economics.
- Brewer, A. (1984). *A guide to Marx's capital*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Brinckerhoff, P.C. (2000). *Social entrepreneurship - The art of mission-based venture development*. New York, NY: John Wiley & Sons.
- Brock, D.D. (2008). *Social entrepreneurship - teaching resources handbook*. Arlington: Ashoka's Global Academy for Social Entrepreneurship.
- Brock, D.D., & Steiner, S.D. (2008). *Social entrepreneurship education: Is it achieving the desired aims?* United States Association for Small Business and Entrepreneurship. Prosiding Seminar.
- Brock, D.D., & Steiner, S.D. (2009). Social entrepreneurship education: Is it achieving the desired aim? Diambil daripada <http://ssrn.com/abstract=1344419>.
- Brockhaus, R.H., Sr. (1980). Risk taking propensity of entrepreneurs. *The Academy of Management Journal*, 23(3), 509-520.
- Brockhaus, R.H., Sr., & Horwitz, P.S. (1986). The psychology of the entrepreneur. Dalam D.Sexton & R. W. Smilor (Editor). *The Art and Science of entrepreneurship* (hlm. 25-48). Cambridge: Ballinger.
- Brotherton, C. (1999). Social Psychology and Management. Buckingham: Open University Press.
- Brown, T.A. (2006). *Confirmatory factor analysis for applied research*. New York, NY: Guilford.
- Browne, M.W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit. Dalam K.A. Bollen & J.S. Long (Editor). *Testing structural equation models* (hlm. 136 –162). Newbury Park, CA: Sage.
- Brush, C.G., Greene, P.G., & Hart, M.M. (2001). From initial idea to unique advantage: The entrepreneurial challenge of constructing a resource base. *Academy of Management Executive*, 15(1), 64-80.
- Bryne, B.M. (2001). *Structural equation modeling with AMOS* Mahwah. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Buletin Keusahawanan BPU. (2010). *MITI komited dalam membangunkan usahawan Bumiputera. Kenyataan media: Ekspos keusahawanan anjuran MITI dengan kerjasama Johor Corporation (JCorp)*. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kuala Lumpur.

- Bull, M. (2008). Challenging tensions: Critical, theoretical and empirical perspectives on social enterprise. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 14(5), 268-275.
- Bull, M., & Crompton, H. (2006). Business practices in social enterprises. *Social Enterprise Journal*, 2(1), 42-60.
- Byrne, B.M. (2001). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications and programming*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Inc.
- Byrne, B.M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, application and programming*. Edisi ke-2. New York, USA: Taylor & Francis Group.
- Bueno, E., Salmador, M.P., & Rodríguez, Ó. (2004). The role of social capital in today's economy: Empirical evidence and proposal of a new model of intellectual capital. *Journal of Intellectual Capital*, 5(4), 556-574.
- Burt, R.S. (1992). *Structural holes: The social structure of competition*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Busenitz, L.W., West III, G.P., Shepherd, D., Nelson, T., Chandler, G.N., & Zacharakis, A. (2003). Entrepreneurship research in emergence: Past trends and future direction. *Journal of Management*, 29(3), 285-308.
- Caird, S. (1991). Testing enterprising tendency in occupational groups. *British Journal of Management*, 2(4), 177-186.
- Caliendo, M., Fossen, F.M., & Kritikos, A.S (2006). Risk attitudes of nascent entrepreneurs: New evidence from an experimentally-validated survey. Discussion Paper No. 2168, IZA, 2006.
- Caliendo, M., Fossen, F.M., & Kritikos, A.S. (2009). Risk Attitudes of Nascent Entrepreneurs – New Evidence from an Experimentally-Validated Survey. *Small Business Economics*, 32(2), 153-167.
- Calvert, V. (2011). Service learning to social entrepreneurship: A continuum of action learning. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 11(2), 118-129.
- Calvert, V., Jagoda, K., & Jensen, L. (2011). Developing social entrepreneurs through business curriculum: A Canadian experience. *International Journal of Innovation and Learning*, 10(3), 215-225.
- Canadian Centre for Social Entrepreneurship. (2001). Social entrepreneurship discussion. Paper No. 1.
- Carland, J.W., Hoy, F., & Carland, J.A. (1988). Who is the entrepreneur? is a question worth asking. *American Journal of Small Business*, 33-39.

- Carr, J.C., & Sequeira, J.M. (2007). Prior family business exposure as intergenerational influence and entrepreneurial intent: A theory of planned behavior approach. *Journal of Business Research*, 60, 1090–1098.
- Carroll A.B., & Bucholtz, A.K. (2003). *Business and society: Ethics and stakeholder management*. Ohio: South-western.
- Carver & Cheier, M.F. (1998). *On the self-regulation of behavior*. Cambridge: University Press.
- Casanueva, C.B., & Gallego, Á.N. (2010). Social capital and individual innovativeness in university research networks. *Innovation: Management, Policy & Practice*, 12(1), 105-117.
- Cassar, G. (2006). Entrepreneur opportunity costs and intended venture growth. *Journal of Business Venturing*, 21(5), 610-632.
- Cavana, R.Y., Delahaye, B.L., & Sekaran, U. (2001). *Applied business research: Qualitative and quantitative methods*. Brisbane: John Wiley & Sons Australia Ltd.
- CEDI. (2012). *Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi*. UUM, Sintok, Kedah. Diambil daripada [www.cedi.uum.edu.my](http://www.cedi.uum.edu.my).
- Certo, S.T., & Miller, T. (2008). Social entrepreneurship: Key issues and concepts. *Business Horizons*, 51(4), 267-271.
- Chandler, G.N., DeTienne, D., & Lyon, D.W. (2003). *Outcome implications of opportunity creation/discovery process*. Paper presented at the Frontiers of Entrepreneurship Research.
- Chandler, G.N & Hanks. S.H. (1994). Market attractiveness, resource-based capabilities: Venture strategies and venture performance. *Journal of Business Venturing*, 9(4), 331–349.
- Chandler, G.N., & Hanks, S.H. (1998). An examination of the substitutability of founders' human and financial capital in emerging business ventures. *Journal of Business Venturing*, 13, 353–369.
- Chau, M. (1997). Finding order in a chaotic world: A model for organized research using the world wide web. Dalam L. Martin (Editor) *The challenge of internet literacy*. New York: Haworth Press.
- Chell, E. (2007). Social enterprise and entrepreneurship. *International Small Business Journal*, 25(1), 5-26.
- Chen, C.C., Greene, P.G., & Crick, A. (1998). Does entrepreneurial self-efficacy distinguish entrepreneurs from managers? *Journal of Business Venturing*, 13(4), 295-316.

- Chen, G., Gully M.S., & Eden, D. (2001). Validation of a New General Self-Efficacy Scale. *Organizational Research Methods*, 4(1), 62–83.
- Chieffo, N. (2000). Determinants of student participation in study abroad programs at the University of Delaware: A quantitative study. (Doctoral Dissertation, University of Delaware). Diambil daripada [http://globaledresearch.com/book\\_research\\_comp.asp](http://globaledresearch.com/book_research_comp.asp).
- Cho, A.H. (2006). Politics, values and social entrepreneurship: a critical approach. Dalam J. Mair, J. A. Robinson & K. Hockerts (Editor), *Social Entrepreneurship* (hlm. 34–56). New York: Palgrave Macmillan.
- Choo, S., & Wong, M. (2006). Entrepreneurial intention: Triggers and barriers to new venture creations in Singapore. *Singapore Management Review*, 28, 47-64.
- Chong, T. (2015). 'Najib lancar pelan perusahaan sosial'. Utusan Online. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/najib-lancar-pelan-perusahaan-sosial-1.91380>.
- Chong, T. (2015). *Pelan Pembangunan Keusahawanan Sosial bertujuan melonjak jumlah perusahaan sosial berjaya*, Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pelan-pembangunan-keusahawanan-sosial-1.91618>.
- Clary, E.G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156-159.
- Clary, E.G., Snyder, M., & Stukas, A.A. (1996). Volunteers' motivations: Findings from a national survey. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 25, 485–505.
- Cloughly, C. (1991). Pomona college: Factors influencing students' decisions to study abroad. Dalam B.B Burn (Editor). *Integrating study abroad into undergraduate liberal arts curriculum: Eight institutional case studies*. (hlm. 65-89). Westport, CT: Greenwood Press.
- Cochran, W.G. (1977). *Sampling Techniques*. Edisi ke-3. New York: John Wiley & Sons, Inc.
